

17 MAR 2001

Mahathir-Prihatin

MAHATHIR MINTA ANGGOTA MASYARAKAT LEBIH PRIHATIN

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta anggota masyarakat terutama yang mempunyai kedudukan dan kemampuan supaya lebih prihatin kepada anggota masyarakat lain yang kurang bernasib baik.

Perdana Menteri berkata semua orang terhutang budi kepada masyarakat kerana tanpa mereka, apa-apa kedudukan dan jawatan yang dipegang tidak akan menjadi kenyataan.

"Sama ada pelajar, pegawai atau Perdana Menteri, kita tak akan ada jawatan dan tempat. Masyarakat boleh tentukan kedudukan kita," katanya ketika berucap pada majlis makan malam dan sumbang bakti anjuran para pelajar Asas Strategi Komunikasi, Universiti Putra Malaysia di sini.

Dr Mahathir berkata keprihatinan yang ditunjukkan melalui pemberian derma dan simpati pada orang yang kurang bernasib baik boleh menjadikan masyarakat negara ini lebih prihatin dan negara lebih bahagia dan tenang.

Katanya, walaupun anggota masyarakat seperti golongan korporat membayar cukai sahaja, sumbangan mereka akan terhad pada itu sahaja dan ini tidak membantu dari segi merapatkan hubungan dengan anggota masyarakat lain.

Dr Mahathir berkata peranan yang boleh dimainkan oleh kerajaan juga terhad disebabkan sumber kewangan yang terbatas dan di sinilah anggota masyarakat lain boleh memainkan peranan yang penting.

"Kadang-kala kita terbaca dalam akhbar ada yang memerlukan wang untuk pembedahan...ramai yang sanggup menderma, bukan sahaja untuk keperluan dalam negeri tetapi juga untuk golongan kurang bernasib baik di luar negeri," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang penting ialah generasi muda dilatih supaya mengekalkan tabiat menghulur derma dan keprihatinan yang sedia ada agar masalah dan kepincangan dalam masyarakat dapat diatasi.

Beliau juga melahirkan rasa syukur dan bangga atas inisiatif yang diambil para pelajar UPM itu yang membiayai sendiri majlis itu dan menubuhkan tabung kebajikan.

"Saya yakin apabila projek ini diteruskan, derma yang dikutip dapat disalurkan sebagai bantuan pembelajaran, pembedahan dan lain-lain," katanya.

"Kadang-kala keperluan datang mendadak dan tanpa disangka. Mudah-mudahan kita boleh mencari bantuan dari tabung seperti ini dan jika diuruskan dengan baik, matlamatnya akan tercapai," tambah beliau.

Katanya, beliau berharap lebih ramai pelajar pusat pengajian tinggi terlibat dalam kerja-kerja kebajikan seperti ini dan menjadikan ia satu usaha untuk melatih diri membalas sumbangan masyarakat.

Pada majlis itu, sumbangan yang diterima diberikan kepada Tabung Kebajikan Hospital Kuala Lumpur.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Naib Canselor UPM Prof Tan Sri Dr Syed Jalaluddin Syed Salim.

-- BERNAMA

AR FAZ